

covid-19

(12 September 2021) Metro Ahad, p.7

Bernama

WASPADA DALAM TERUJA

Orang ramai dilihat amal kawalan sendiri selepas diberi kelonggaran

Putrajaya

W ilayah Persekutuan Putrajaya kembali meriah dengan kehadiran orang ramai susulan kebenaran rentas daerah di Lembah Klang membatik Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya yang beralih ke Fasa Dua Pelan Pemulihan Negara (PPN) kelmarin.

Bagaimanapun, orang ramai dilihat tetap mengambil pendekatan berhati-hati dengan melakukan kawalan pergerakan sendiri.

Mohamad Sharifuddin, 35, berkata, dia teruja dengan kelonggaran yang diberikan, namun mengingatkan diri supaya terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dengan menjaga jarak fizikal dan memakai pelitup muka jika berada di kawasan orang ramai bagi mengelakkan jangkitan Covid-19.

“Walaupun sekarang sudah boleh bebas bergerak dan rentas daerah, tetapi orang ramai perlu ingat itu bukan bererti kita sudah menang melawan pandemik ini.

“Virus masih ada di sekeliling dan perlu menerima realiti hidup bersama virus Covid-19. Jadi, yang penting adalah sentiasa beringat untuk patuh SOP,” katanya kepada Bernama di sini, semalam.

Mohamad, orang kurang upaya (OKU) berasal dari Kedah berkata, kesukaran bergerak tidak melunturkan semangat untuk bersama anak dan isteri melakukan aktiviti



ORANG ramai melakukan aktiviti riadah ketika tinjauan di Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur, semalam. Kelonggaran terbabit diumumkan selepas Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya beralih kepada Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang berkuat kuasa kelmarin yang membolehkan orang ramai melakukan aktiviti riadah *outdoor* serta *indoor*.

luar pada hari minggu kerana terlalu lama terperuk di rumah sejak Jun lalu namun masyarakat perlu bijak memilih lokasi.

“Selain itu orang ramai yang beriadah di luar buat sementara waktu ini lakukan aktiviti bersama keluarga dan saudara terdekat bu-

kan dengan rakan.

“Bagi yang belum berke-luarga adalah lebih baik menjalankan aktiviti secara solo bagi mengurangkan ri-

siko penularan.

“Dapat melakukan aktiviti di luar dah cukup syukur jadi orang ramai perlu memana-faatkannya,” katanya yang

tinggal di Shah Alam.

Sependapat dengan Mohamad, Nur Firdaus Abdul Rahim, 38, berkata, orang ramai tidak alpa terhadap SOP walaupun kelonggaran diberikan kepada pengunjung kerana negara belum betul-betul bebas Covid-19 dan aktiviti sepatutnya dilakukan bersama ahli keluarga berbanding berkumpul untuk tujuan lain.

“Selain itu, pendekatan peniaga di Putrajaya perlu dipuji kerana masing-masing mengekalkan SOP dengan hanya membenarkan dua orang satu meja.

“Memang lega dapat keluar beriadah bersama keluarga kerana sudah terlalu lama berada di rumah.

“Kelonggaran ini satu nikmat yang besar, jadi orang ramai perlu manfaat dengan sebaik-baiknya,” katanya yang menjalankan aktiviti berbasikal bersama kakak, abang ipar dan anak buah.

Tinjauan di beberapa lokasi awam yang menjadi tumpuan meriah dengan aktiviti jogging dan berbasikal.

Anggota polis juga dilihat melakukan pemantauan di Taman Saujana Hijau Presint 11 kerana berlaku peningkatan jumlah pengunjung bagi mengingatkan masyarakat sentiasa mematuhi SOP sama ada untuk aktiviti riadah atau pelancongan domestik.